

BAB 11 – SYARIKAT BERHAD (TIDAK TERSENARAI)

1. Farina Berhad menerbitkan 500 000 unit 6% Saham Keutamaan, RM2.00 sesaham dan 1 000 000 unit saham biasa RM1.00 sesaham.

Pada akhir tahun, Lembaga pengarah syarikat telah mengisytiharkan dividen sebanyak 2 sen sesaham atas saham biasa.

Hitung:

- (i) Dividen saham keutamaan
(ii) Dividen saham biasa

2. Modal diterbitkan dan dibayar penuh bagi Syarikat Nik terdiri daripada: 300 000 unit 6 % Saham Keutamaan RM2.00 setiap unit dan 800 000 unit Saham Biasa, RM1.00 setiap unit.

Berikut ialah bahagian keuntungan syarikat untuk pembayaran dividen bagi tahun 2013 dan 2014.

Tahun	Keuntungan (RM)
2013	32 000
2014	48 000

Kira dividen saham keutamaan bagi tahun 2014.

3. Nyatakan dua perkara yang terdapat dalam Tataurus Syarikat.

4. Syarikat Bulan Berhad mempunyai modal dibenarkan sebanyak 2 000 000 unit saham biasa. Berapakah modal dibenarkan jika nilai tara ialah RM1.00?

5. Syarikat Gemilang Sendirian Berhad telah ditubuhkan pada 1 Januari 2014 dengan modal berdaftar terdiri daripada 4 000 000 unit Saham Biasa RM0.50 sesaham. 2 500 000 unit saham Biasa telah dilanggan dan dibayar penuh.

Hitung:

- (i) Modal dibenarkan
(ii) Modal diterbitkan

6. Modal berbayar Syarikat Setia Berhad ialah RM1 000 000 yang terdiri daripada 550 000 unit saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu dan 300 000 unit 8% saham keutamaan bernilai RM1.50 setiap satu. Pada pertengahan tahun kewangan, Syarikat telah mengisytiharkan pembayaran dividen interim sebanyak 4% kepada pemegang- pemegang saham.

Hitung jumlah dividen interim bagi pemegang-pemegang saham.

7. Nyatakan dua dokumen yang perlu diserahkan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) semasa proses penubuhan syarikat.

(i)	
(ii)	

8. Pada 1 Disember 2011, Syarikat Fahmi Berhad telah menerbitkan 5 000 000 unit saham biasa bernilai RM1.00 seunit dan 400 000 unit saham keutamaan 5% bernilai RM2.00 seunit.

Hitung jumlah modal diterbitkan.

9. Puan Marlisa telah membeli 5 000 unit saham biasa dengan nilai tara RM2 sesaham daripada Syarikat Aspirasi Berhad. Pada akhir tempoh perakaunan 31 Mei 2013, Syarikat Aspirasi Berhad mengisytiharkan dividen sebanyak RM0.20 sesaham kepada pemegang saham biasa.

Berapakah jumlah dividen yang akan diterima oleh Puan Marlisa?
